

21 JUL 1999

PEMUDA UMNO SIAP LAPORAN KAKITANGAN UNIVERSITI HASUT PELAJAR

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Majlis Kemahasiswaan dan Latihan Pergerakan Pemuda Umno sedang menyiapkan laporan lengkap berhubung pembabitan beberapa timbalan naib canselor dan pensyarah institusi pengajian tinggi awam dan swasta menghasut pelajar membenci kerajaan serta membantu gerakan pembangkang.

Pengerusinya Zein Isma Ismail berkata pemantauan yang dilakukan di semua IPTA mendapati pembangkang mendapat sokongan penuh daripada tenaga akademik bagi melaksanakan agenda politik mereka di kampus menerusi pelbagai aktiviti pelajar.

"Insiden (debat) di Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya jelas membuktikan bahawa terdapat tenaga akademik yang bersekongkol dengan pembangkang dan sanggup membiarkan mereka diperalat sewenang-wenangnya," katanya dalam kenyataan di sini.

Zein Isma berkata pendedahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Presiden ABIM Dr Siddiq Fadzil adalah seorang daripada pensyarah IPTA yang menghasut pelajar membenci kerajaan, merupakan satu perkembangan yang amat membimbangkan.

Pemuda Umno mendapat ramai lagi pensyarah yang menjadi agen pembangkang menghasut pelajar agar membenci kerajaan serta mencemuh kepimpinan yang ada.

"Kita akan serahkan laporan lengkap mengenainya kepada Kementerian Pendidikan untuk tindakan lanjut. Kita ada bukti dan akan dedahkan nama-nama mereka yang terbabit secara langsung sedikit masa lagi," katanya.

Beliau juga mencadangkan agar Kementerian Pendidikan lebih sensitif terhadap soal pelantikan tenaga akademik khususnya pensyarah di IPT, sebagai langkah membanteras penyusupan agen-agen dan tali barut pembangkang di kampus.

-- BERNAMA

sbj mai